

Headline **Luncur ais bukan sukan elit**  
Date **29 Mar 2010**  
MediaTitle **Sinar Harian**  
Section **Selangor & KL**  
Journalist **NUR FARHANA ABDUL MANAN**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**  
Page No **S30**  
Article Size **259 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **1,425**  
PRValue **4,274**



## Luncur ais bukan sukan elit

**BANDAR SUNWAY** – Sebelum ini ramai yang beranggapan sukan meluncur ais memerlukan kos kewangan yang tinggi sehingga menyebabkan ramai tidak sanggup menghabiskan wang mereka meskipun mempunyai minat ke arah itu.

Atas inisiatif mengubah persepsi itu, Arena Meluncur Ais Sunway Pyramid kini menawarkan harga istimewa kepada pelajar sekolah di negara ini bagi memberi peluang mereka mencuba sukan yang mengujakan itu.

Penolong Pengurus Arena Meluncur Ais Sunway Pyramid, Bryan Law berkata, melalui konsep dilaksanakan pihaknya berharap sukan meluncur ais mampu disertai segenap lapisan masyarakat.

"Dahulu ramai yang menganggap sukan ini mahal dan hanya dipelopori golongan elit sahaja namun kini kami ingin mengubah persepsi itu.

"Kami menawarkan tawaran harga istimewa kepada murid dan pelajar se-

kolah di bawah bantuan kerajaan dengan syarat penyertaan minimum adalah 20 orang," katanya.

Beliau berkata, sasaran awal bagi projek perintis itu akan dimulakan dengan sekolah berhampiran terlebih dahulu kerana memahami masalah pengangkutan dihadapi sekolah yang terletak agak jauh.

"Murid dan pelajar hanya dikenakan bayaran RM6 bagi setiap sesi yang diadakan dua kali seminggu pada Selasa dan Khamis.

"Syaratnya mereka ini mesti datang dengan guru ataupun penjaga dan menyertai sukan ini sekurang-kurangnya 10 kali," katanya pada Majlis Perasmian Aktiviti Meluncur Ais Untuk Sekolah Menengah Dan Rendah Malaysia 2010 dekat sini.

Beliau berkata, sekolah yang berminat boleh menghubungi pihaknya untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Sementara itu, Penyelia Sukan Pejabat Pendidikan Daerah Petaling Perdana, Ghasid Salleh ketika di-

temui berkata, tawaran dibuat pihak berkenaan adalah satu peluang kepada pelajar mencuba sukan baru selain menyertai sukan-sukan biasa di atas padang sebelum ini.

Beliau berkata, pihaknya tiada halangan mengenai pembabitian pelajar dalam sukan itu namun memberitahu faktor keselamatan perlu dipatuhi pelajar selain mendapat kebenaran ibu bapa.

"Saya merasakan apa disaran Menteri Pelajaran iaitu sukan dapat mencegah permasalahan di luar dapat dicapai kerana pelajar mempunyai tempat beriadah.

"Cuma apa yang diharapkan, apabila pelajar ke pusat luncur ais ada pihak yang akan melatih seterusnya membawa mereka bertanding ke peringkat antarabangsa," katanya.

Justeru, beliau menambah pihak sekolah seharusnya mengambil inisiatif menubuhkan kelas khusus untuk memudahkan penyertaan murid dan pelajar dalam sukan itu. - NUR FARHANA ABDUL MANAN



● Pelajar sekolah gembira apabila berpeluang menyertai aktiviti meluncur ais.